

PEMBIAYAAN HUTANG : KAJIAN PERBANDINGAN DI BANK  
MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

MUHD AW-WALUDDIN BIN A. RAZAD

DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511141534

## MOTTO

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ① وَأَخْرَجَتِ الْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ② وَقَالَ  
إِلَيْنَا مَا لَهَا ③ يَوْمَئِذٍ تُحَدَّثُ أَخْبَارَهَا ④ بِأَنَّ رَبَّكَ أَوْحَى لَهَا  
يَوْمَئِذٍ يَصُدُّ النَّاسُ أَشْتَأْنَاهُ ⑤ وَأَعْمَلُهُمْ ⑥ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ  
خَيْرًا يَرَهُ ⑦ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ⑧

Maksudnya :

Apabila bumi digoncangkan dengan guncangan yang dahsyat, dan bumi ini mengeluarkan beban berat yang dikandungnya, dan manusia bertanya "Mengapa bumi ini jadi sebegini". Pada hari itu bumi menceritakan beritanya, sesungguhnya tuhanmu telah memerintahkan begitu kepadanya. Pada hari itu manusia keluar dari kuburnya dalam keadaan bermacam-macam, supaya diperlihatkan kepada mereka balasan pekerjaan mereka. Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan walau seberat zarahpun nescaya dia akan melihat balasannya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahanatan walau seberat zarahpun nescaya akan dilihat balasannya juga.

(Surah al-Zalzalah 99 : 1-8)

## DEDIKASI

### Ya Allah

Hambamu ini tidak layak untuk syurgaMu.....  
Tetapi aku jua tidak sanggup menanggung seksa nerakaMu.....  
Dari itu kurniakanlah keampunan kepadaku.....  
Sesungguhnya Engkaualah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.....

### Ya Rasulullah

Cahaya iman yang engkau bawa bisa menerangi perjalananku.....  
Berbekalkan ia kanku harungi hidup yang penuh pancaroba ini.....  
Tiada mampu untuk ku balas jasamu.....  
Hanya .....terimalah selawat dan salam duriku untukmu.....

### Ayahanda dan Bonda

Kasih sayang dan pengorbanan kau berikan tiadalah mampu untuk diri ini membalaunya.....  
Namun, diri ini akan cuba memenuhi segala impian dan harapan yang kau citakan.....  
Restui lah diri ini dalam mengejar cita-cita dan impian.....  
Puat akhirnya ampuhlah diri ini di atas segala kesilapan yang pernah dilakukan.....

### Guru-guruku

Sekalus penghargaan dan terima kasih di atas segala tunjuk ajarmu.....  
Dengan didik dan asuhan yang kau curahkan kanku guna ia dengan sebaiknya.....  
Semoga Allah menguniakan keampunan kepadamu.....

### Adik-adikku yang dikasihi

Semoga kejayaan ini menjadi pendorong kepada kalian pada masa hadapan.....  
Anggaplah kegagalan yang kau tempuh.....Ujian Allah.....dan anggaplah kejayaan yang kau capai.....Anugerah Allah.....  
Sentiasalah berdoa untuk kesejahteraan kita sekeluarga.....

### Sahabat Seperjuangan

Saat bersama kalian adalah saat manis yang tidak akan kusulapkan.....  
Bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan amat kuhargai.....  
Mudah-mudahan kita diberikan kekuatan dalam meneruskan perjuangan memartabatkan Islam di muka bumi ini.....

## ABSTRAK

Muhd Aw-waluddin A. Razad : "Pembiayaan Hutang: Kajian Perbandingan di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)". Kajian ini merupakan kajian mengenai konsep pembiayaan hutang Islam yang dijalankan oleh perbankan Islam untuk dilihat secara perbandingan dengan pembiayaan hutang yang dijalankan oleh perbankan konvensional dengan menumpukan kajian secara khususnya di Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Perlaksanaan prinsip pembiayaan hutang Islam yang berteraskan kepada instrumen al-Bai Bithaman Ajil dan al-Murabahah diharap menjadi alternatif kepada sistem pembiayaan hutang konvensional yang masih bertapak teguh dipersada perbankan negara.

Oleh itu, penulis cuba mengupas konsep ini dengan sedaya upaya bagi menjelaskan kepada masyarakat Islam khasnya dan Malaysia amnya tentang keupayaan dan kelebihan serta kebaikan yang ada didalam pengamalan konsep pembiayaan hutang secara Islam dengan menjadikan BMMB sebagai focus kajian secara praktikal. Semoga apa yang dihuraikan di dalam kajian ini akan dapat menjelaskan kepada masyarakat Islam terutamanya tentang perlunya kembali kepada sistem pembiayaan secara Islam yang lebih menjamin kepada keadilan dan kesejahteraan ekonomi negara.

Kajian bermula dengan penulis melihat secara umum kepada sejarah kewujudan perbankan Islam dipersada dunia dan seterusnya menfokuskan secara khusus kepada sejarah permulaan wujudnya perbankan Islam di Malaysia dan secara terperinci melihat kepada sebab musabab serta latar belakang penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang merupakan perbankan Islam yang kedua yang ditubuhkan di Malaysia.

Setelah itu, penulis membincangkan tentang konsep syariah serta sumber-sumber syariah yang menjadi panduan asas kepada para mujtahid dalam bidang muamalah Islam untuk mengeluarkan hukum serta garis panduan perjalanan sesuatu produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam di dalam bab yang kedua. Di dalam bab ini juga penulis turut melihat secara menyeluruh tentang produk-produk perbankan Islam yang ditawarkan oleh BMMB. Dalam bab yang ketiga barulah penulis mengupas tentang pembiayaan hutang Islam dan melakukan perbandingan secara menyeluruh dengan pembiayaan hutang konvensional dari segi konsep serta praktikal.

Untuk bab yang terakhir, penulis melihat dan menganalisa konsep pembiayaan hutang secara kuantitatif berdasarkan laporan tahunan yang dikeluarkan oleh bank dan melihatnya daripada pelbagai sudut bagi melihat prestasinya dan sumbangannya kepada pertumbuhan pendapatan kepada BMMB.

Semoga kajian yang dilakukan ini akan memberikan sumbangan kepada perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia dengan adanya kefahaman masyarakat Malaysia tentang kebaikan sistem pembiayaan kewangan yang berteraskan konsep yang dianjurkan oleh Islam.

## PENGHARGAAN

**S**etinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya serta inayahNya, penulis dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

**S**elawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat serta ahli keluarga baginda serta mereka yang mengikuti jejak langkah mereka sehingga ke hari akhirat.

**S**elautan kasih sayang penulis curahkan kepada Ayahanda **Abdul Razad bin Mohamad** dan Bonda tercinta **Endong binti Endut** di atas didikan serta asuhan yang diberikan. Kerana didikan serta dorongan ayahanda dan bondalah anakanda berjaya menjejakkan kaki ke menara gading ini serta sampai keperingkat ini.

**S**alam sayang buat adik-adik , abang harap kalian akan terus bersungguh-sungguh dan tidak jemu dalam menuntut ilmu. Abang doakan kalian akan berjaya dalam mengejar segala cita-cita yang diimpikan.

**S**etinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih diucapkan kepada Yang Dihormati lagi Disegani **Prof. Madya Dr. Joni Tamkin Borhan** selaku penyelia bagi kajian ini, di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang diberikan. Sesungguhnya tidak mampu penulis membalas di atas segala jasa yang dicurahkan dan hanya doa yang dapat dipanjangkan semoga Allah memberi ganjaran serta kesejahteraan kepada beliau sekeluarga.

**S**eluruh pensyarah serta guru yang pernah mencerahkan ilmu pengatahan kepada diri penulis, terima kasih yang tidak terhingga penulis nukilkan. Insya Allah segala didikan dan asuhan yang diberikan akan penulis gunakan sebaik-baiknya untuk berbakti kepada agama dan negara.

**S**etinggi-tinggi penghargaan juga buat semua kakitangan serta pegawai di ibu pejabat Bank Muamalat Malaysia Berhad Kuala Lumpur terutamanya Encik Saiful Anwar Hambali dan Cik Siti Ainol di atas kerjasama yang baik yang diberikan kepada penulis dalam usaha mendapatkan maklumat tentang kajian sehingga kajian ini berjaya disempurnakan.

**S**eterusnya, untuk yang terakhir, jutaan penghargaan dan terima kasih buat Nuruddin, Oyie, Shukri, Izhan, Nazri, Ibrahim, Fuad, Sharifah Zulhani dan semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu penulis menyiapkan kajian ini. Semoga kalian mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah s.w.t. dan berada dalam keredhaanNya.

Ikhlas dari,

**MUHD AW-WALUDDIN BIN A. RAZAD  
JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI MALAYA  
50603 KUALA LUMPUR.**

**54-C, KG. SEKATI MANIR  
21200 KUALA TERENGGANU  
TERENGGANU DARUL IMAN.**

## DAFTAR ISI

	<b>Muka Surat</b>
MOTTO	i
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	v
DAFTAR ISI	vii

## PENDAHULUAN

A. Pengenalan	1
B. Latar Belakang Masalah	2
C. Kepentingan Kajian	2
D. Tujuan dan Objektif Kajian	3
E. Skop Kajian	5
F. Sorotan Literatur	5
G. Metodologi Kajian	6

## BAB SATU : LATAR BELAKANG BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

1.0	Pendahuluan	14
1.1	Sejarah Perbankan Islam	15
1.2	Evolusi Perbankan Islam di Malaysia	20
1.3	Sejarah Penubuhan dan Perasmian BMMB	25
1.4	Objektif Penubuhan BMMB	27
1.5	Akta yang Diguna Pakai Oleh BMMB	29
1.6	Organisasi BMMB	31
1.7	Pemegang Saham BMMB	36
1.8	Penutup	37

## BAB DUA : KONSEP-KONSEP SYARIAH DAN PRODUK-PRODUK PERBANKAN ISLAM YANG DITAWARKAN OLEH BMMB

2.0	Pendahuluan	38
2.1	Pengertian Konsep dan Syariah	39
2.2	Sumber-Sumber Syariah	41
2.3	Konsep-Konsep Syariah yang Dipakai Oleh Perbankan Islam	48
2.4	Produk-Produk Perbankan Islam	

yang Ditawarkan Oleh BMMB	58
2.4.1    Produk-Produk Simpanan Atau Deposit	58
2.4.2    Produk-Produk Pembiayaan Hutang	63
2.4.3    Produk-Produk Pembiayaan Perdagangan	73
;	
2.5    Penutup	83

**BAB TIGA : PERBANDINGAN PEMBIAYAAN HUTANG ISLAM DENGAN  
PEMBIAYAAN HUTANG KONVENTSIONAL**

3.0    Pendahuluan	84
3.1    Perbandingan Prinsip Memaksimakan Keuntungan dan Riba Dengan Prinsip Keuntungan, Keadilan dan Ihsan.	85
3.2    Perbandingan Bai' Bithaman Ajil dan Murabahah Dengan Skim Pinjaman Konvensional Berasaskan kadar Bunga.	102
3.3    Perbezaan al-Qardhul Hassan Dengan Pinjaman Peribadi Konvensional	106
3.4    Penutup	109

## **BAB EMPAT : ANALISIS PEMBIAYAAN HUTANG ISLAM DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)**

4.0	Pendahuluan	110
4.1	Imbasan Kemajuan Prestasi Perbankan Islam	111
4.2	Analisis Pembiayaan Pelanggan	116
4.3	Analisis Pembiayaan Kasar Berdasarkan Tempoh Matang	120
4.4	Analisis Pembiayaan Berasaskan konsep	124
4.5	Analisis Pembiayaan Berasaskan Sektor	130
4.6	Penutup	134

## **PENUTUP**

Kesimpulan dan Rumusan	136
Saranan dan Cadangan	141

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

## PANDUAN TRANSLITERASI

### Terjemahan

Terjemahan ayat al-Quran kepada Bahasa Melayu berpandukan kepada Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran terbitan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, cetakan ke-13, terbitan tahun 1996, Jabatan Perdana Menteri.

### Ejaan dan Transliterasi

Ejaan yang digunakan adalah mengikut Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia bagi tahun 1987, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur. Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab digunakan mengikut Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi bagi tahun 1988, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengecualian daripada menggunakan pedoman itu bagi kes-kes berikut :

- i) Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan "ٰ" (Ta'c Marbūtah) dibunyikan dengan mengikut sebutan "ء".

## SENARAI TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab, penulis menggunakan transliterasi berikut sebagai panduan :

Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab
a	ا	ę	ط
b	ب	z	ظ
t	ت	c	ع
th	ث	gh	غ
j	ج	f	ف
h	ح	q	ق
kh	خ	k	ك
d	د	l	ل
dh	ذ	m	م
r	ر	n	ن
z	ز	w	و
s	س	h	ه
sh	ش	y	ي
ş	ص	'	ء
đ	ض	t	ة

Bagi perkataan Arab yang telah di bahasa melayukan akan terkecuali penulis menggunakan panduan transliterasi ini.

### Vokal Panjang

ā :	ـ
ū	ـ، و
ī	ـ، ي

### Vokal Pendek

Baris di Atas (Fathah)	a
Baris di Bawah (Kasrah)	u
Baris di Depan (Dhammah)	i

### Diftong

Aw	ـ، و
Ay	ـ، ي
Iyy	ـ، ي
Uww	ـ، و

## **SENARAI RAJAH DAN CARTA**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.01 : Struktur Organisasi BMMB	35
Carta 4.01 : Pembiayaan Pelanggan Oleh BMMB	119
Carta 4.02 : Pembiayaan Kasar BMMB Berdasarkan Tempoh Matang	123
Carta 4.03 : Pembiayaan BMMB Berdasarkan Konsep	129
Carta 4.04 : Pembiayaan BMMB Berasaskan Sektor	133

## **SENARAI JADUAL**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Jadual 1.01 : Senarai Bank-bank Islam Sekitar Tahun 1970-an Hingga 1980-an.	19
Jadual 4.01 : Pembiayaan Pelanggan Oleh BMMB	116
Jadual 4.02 : Pembiayaan Kasar BMMB Berdasarkan Tempoh Matang	120
Jadual 4.03 : Pembiayaan BMMB Berdasarkan Konsep	124


## SENARAI KEPENDEKAN

<b>BMMB</b>	:	Bank Muamalat Malaysia Berhad
<b>BIMB</b>	:	Bank Islam Malaysia Berhad
<b>LUTH</b>	:	Lembaga Urusan dan Tabung Haji
<b>OIC</b>	:	Organizations of Islamic Conference
<b>IDB</b>	:	Islamic Development Bank
<b>SPI</b>	:	Sistem Perbankan Islam
<b>IPI</b>	:	Institusi Perbankan Islam
<b>PT</b>	:	Pengendali Takaful
<b>DBP</b>	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
<b>JAKIM</b>	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<b>SPTF</b>	:	Sistem Perbankan Tanpa Faedah
<b>Ltd</b>	:	Limited
<b>Inv</b>	:	Investment
<b>Corp</b>	:	Corporation
<b>Fin</b>	:	Finance
<b>BCB</b>	:	Bumiputra Commerce Berhad
<b>(M)</b>	:	Malaysia
<b>CAHB</b>	:	Commerce Asset Holding Berhad
<b>IKIM</b>	:	Institut Kemajuan Islam Malaysia
<b>(ed)</b>	:	Editor
<b>BBA</b>	:	Bai' Bithaman Ajil
<b>GIA</b>	:	General Investment Account
<b>SIA</b>	:	Special Investment Account
<b>MWCF</b>	:	Mudharabah Working Capital Financing
<b>BWCF</b>	:	Bai' al-Dayn Working Capital Financing
<b>Sdn. Bhd.</b>	:	Sendirian Berhad

Op.cit	: Opera Citato (dalam karya yang sama)
Ibid	: Ibedem (pada tempat yang sama)
t.t	: Tiada tarikh @ tiada tempat
Hal	: Halaman
Dr	: Doktor
Prof	: Professor
S.a.w	: Salallahu `alaihi wasallam
S.w.t	: Subḥānahu wa ta`ala
%	: Peratus



# PENDAHULUAN





## PENDAHULUAN

### A. Pengenalan

Perbankan Islam mula diperkenalkan di Malaysia sekitar tahun 1983 iaitu dengan tertubuhnya bank Islam pertama yang diberi nama sebagai Bank Islam Malaysia Berhad yang menjadi perintis kepada perkembangan perbankan Islam di Malaysia. Semenjak 1983 sehingga sekarang iaitu lebih kurang dalam 19 tahun ianya beroperasi dengan cemerlang dan mendapat sambutan daripada masyarakat terutamanya golongan yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dan golongan yang memahami operasi perbankan Islam. Hasil daripada perkembangan positif yang ditunjukkan maka pada tahun 1999 kerajaan membenarkan penubuhan bank Islam kedua dengan nama Bank Muamalat Malaysia Berhad. Namun demikian perbankan Islam ini belum mampu untuk bersaing dengan baik memandangkan ia hanya menguasai sebahagian kecil dana perbankan negara iaitu di bawah tahap 10 peratus. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang perlu dikenalpasti oleh pengkaji perbankan Islam dan ini secara langsung membuka ruang kepada penyelidikan secara lebih kritis terhadap perlaksanaan perbankan Islam dengan melihat kepada sambutan dan keyakinan masyarakat menggunakan perkhidmatannya serta adakah ianya berjalan dengan baik mengikut kehendak syariat Islam yang telah disesuaikan dengan keadaan semasa. Ini



bagi memastikan perbankan Islam terus dapat berkembang dengan baik dan mendapat sambutan daripada masyarakat di Malaysia serta menjadi model kepada perlaksanaan perbankan Islam secara praktikal.

### **B. Latar Belakang Masalah Kajian**

Masalah yang ingin dikaji oleh penulis ialah mengapakah perbankan Islam masih belum mampu bersaing dengan baik dengan perbankan konvensional dan seterusnya mencapai peratusan yang lebih baik dalam dana perbankan negara. Oleh itu penulis menfokuskan kepada pembiayaan hutang yang menjadi teras utama dalam perbankan Islam dalam menguatkan dana mereka bagi mencari jawapan kepada persoalan yang wujud.

### **C. Kepentingan Kajian**

Berkenaan dengan kepentingan kajian penulis melihat kepada dua aspek iaitu kepentingan kepada pengamal perbankan Islam dan kepentingan kepada pengguna perkhidmatan perbankan Islam. Kepentingan kepada pengamal perbankan Islam ialah mereka akan dapat melihat perkembangan perbankan mereka dari kaca mata orang lain iaitu para penyelidik dan seterusnya mendapat tindakbalas daripada pengguna perbankan Islam secara lebih baik. Kepentingan kepada pengguna dan bakal pengguna



perbankan pula dapat dilihat melalui hasil kajian yang didapati mereka akan dapat memahami bagaimana prinsip syariah diimplementasikan ke dalam produk perbankan Islam dan bagaimana ianya berfungsi. Jadi melalui cara ini kefahaman pengguna terhadap perbankan akan lebih baik dan diharap dengan ini akan memperkuatkan lagi industri perbankan Islam di Malaysia.

#### D. Tujuan dan Objektif Kajian

##### i) Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan memberi penjelasan kepada masyarakat tentang konsep pembiayaan hutang Islam yang sebenar dengan melihat secara praktikal melalui apa yang dijalankan oleh BMMB dalam mengimplementasikan produk pembiayaan hutang Islam dalam operasi perniagaannya bagi membuktikan kepada masyarakat tentang kemampuan sistem kewangan atau perbankan Islam keseluruhannya.



### ii) Objektif Kajian

Antara objektif bagi kajian ini ialah :

1. Untuk melihat dan menyelidik secara lebih jelas berkenaan pembiayaan hutang secara Islam di Bank Muamalat Malaysia Berhad.
2. Untuk melihat perkembangan dan permasalahan yang wujud dalam pembiayaan hutang di Bank Muamalat Malaysia Berhad.
3. Melihat secara teori dan praktikal pengamalan perbankan Islam bagi menjelaskan perbezaan utama yang wujud di antara pembiayaan hutang Islam dan pembiayaan hutang konvensional.
4. Memberi gambaran yang lebih baik kepada masyarakat tentang pembiayaan hutang yang berasaskan kepada prinsip syariah.



### E. Skop Kajian.

Kajian ini berkisar tentang pembiayaan hutang secara Islam yang diamalkan oleh sistem perbankan Islam (SPI) dan kajian ini secara khususnya akan ditumpukan di Bank Muamalat Malaysia Berhad. Dalam kajian ini akan dibincangkan secara terperinci berkenaan pembiayaan hutang Islam dan perlaksanaannya dan perbezaannya secara langsung dengan pembiayaan yang dijalankan oleh perbankan konvensional. Kajian ini tidak akan menyentuh secara terperinci berkenaan pembiayaan lain seperti pembiayaan projek dan aset perniagaan.

### F. Sorotan Literatur.

Melalui penelitian penulis hanya terdapat tiga penulisan yang dibuat secara langsung berkenaan perbankan Islam di BMMB iaitu antaranya tulisan latihan ilmiah oleh Sabariah Ismail dengan tajuk , "Konsep Syariah dalam Pembiayaan Secara Islam di BMMB", Subaidah Tera, "Mobilisasi Pembiayaan di BMMB" dan Norsaleha Hassan, "Perbankan Islam dan Amalannya di BMMB. Secara umumnya kajian yang telah dilakukan di BMMB ini tidak menumpukan secara langsung kepada pembiayaan hutang Islam tetapi dibuat secara umum. Berkenaan penulisan yang berkait langsung dengan perbincangan pembiayaan hutang Islam ialah latihan ilmiah oleh



Shamsul Saffie @ Mohd Nor dengan tajuk, "Pembiayaan Hutang Islam: Kajian Perbandingan dengan Skim Konvensional Penelitian Khusus di SPTF BBMB. Pandangan penulis berkenaan penulisan ini, ianya dibuat di bank konvensional yang menjalankan SPTF dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad telah digabungkan dengan Bank of Commerce maka ianya tidak wujud lagi dan penulisannya sudah terhenti di situ sahaja.

#### G. Metodologi Kajian.

Di dalam bidang penulisan ilmiah, metod merupakan satu cara untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian dan merupakan suatu perkara yang penting dalam penulisan. Sesuatu penelitian yang ilmiah pula merupakan rentetan peristiwa yang disusun secara logik dan sistematik. Oleh itu dalam menyiapkan kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa metod. Antara metod yang digunakan ialah :

1. Metod Penentuan Subjek.
2. Metod Pengumpulan Data
3. Metod Analisa Data.



i) **Metod Penentuan Subjek**

Di dalam menjalankan penelitian dan penyelidikan mengenai tajuk ini, penulis akan menggunakan metod sampeling iaitu mengambil contoh (*sample*) Bank Muamalat Malaysia Berhad yang beribu pejabat di Kuala Lumpur sebagai contoh penyelidikan. Penulis menggunakan metod ini dengan tujuan untuk memudahkan penulis membuat kajian dan mendapatkan maklumat mengenai sejarah dan perkembangan perbankan Islam ini dan hasil sumbangannya terhadap masyarakat di Malaysia sejak dari penubuhannya.

ii) **Metod Pengumpulan Data**

Di dalam proses pengumpulan data, penulis akan menggunakan beberapa jenis metod iaitu :

a) **Metod Sejarah**

Metod sejarah ialah suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Ia digunakan bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah. Sejarah adalah catatan peristiwa yang benar-benar berlaku didalam kehidupan manusia. Penulis akan menggunakan



metod ini untuk tujuan mengkaji latar belakang perbankan Islam di Malaysia dan penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

\*

### b) Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi ialah satu cara pengumpulan data dengan melakukan pembacaan (*study*) terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan persoalan yang dikaji. Dokumen bererti Obenda yang bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan<sup>1</sup> termasuk gambar-gambar, kumpulan undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku catatan harian dan cerita-cerita rakyat. Al-Quran dan al-Hadith juga dianggap sebagai satu dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya. Diantara dokumen-dokumen dan rujukan-rujukan yang akan digunakan nanti ialah buku-buku, jurnal, majalah, kertas kerja, risalah dan akhbar.

Untuk mendapatkan data mengenai kajian ini, penulis akan menggunakan beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah :

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
2. Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya

<sup>1</sup> Imam Bennabid (1982), **Erti dan Metod Sejarah Penyelidikan**, Yogjakarta Yayasan Penerbitan Fip, IKIP, hal 52.



3. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
4. Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur
5. Perpustakaan Negara Kuala Lumpur

**c) Metod Wawancara**

Wawancara atau temubual ialah satu perbincangan di antara dua untuk membincangkan sesuatu perkara. Manakala metod wawancara ialah suatu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan cara bercakap secara berhadapan dengannya. Metod ini dianggap sebagai pembantu kepada metod observasi.

**d) Metod Observasi**

Metod observasi ialah satu cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Penggunaan metod ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang saling lengkap-melengkap di antara hasil metod dengan data-data yang diperolehi daripada metod-metod yang lain. Metod ini tidak memerlukan perbelanjaan yang besar kerana ia sekadar memerhati dengan teliti dan mencatat apa yang



dikira penting untuk kajian. Dalam penggunaan metod ini, penulis akan memerhatikan keadaan tempat dan peristiwa yang menjadi fokus kajian ini. Penulis juga akan membuat pemerhatian terhadap perjalanan sistem dan aktiviti yang dijalankan oleh BMMB. Dari itu penulis akan berupaya membuat kesimpulan hasil daripada pemerhatian tersebut.

### iii) Metod Analisa Data

Semua data dan maklumat yang akan diperolehi melalui metod-metod di atas akan dianalisa dan ditafsirkan dalam bentuk penulisan ilmiah secara teratur, kemas dan rapi. Untuk tujuan itu, penulis akan menggunakan metod-metod seterusnya iaitu :

#### a) Metod Induktif

Metod induktif merupakan satu kaedah untuk menganalisa data yang dihasilkan melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum<sup>2</sup>. Penulis akan menggunakan metod ini untuk mengkaji data-data dan maklumat khusus hasil daripada kajian terhadap

<sup>2</sup> Winar Do Surachmed (1995), **Metodologi Pengakaran Nasional**, Jakarta, Penerbitan Universitas Jakarta, hal 8.



peranan yang dilakukan oleh BMMB bagi menyediakan satu sistem kewangan Islam yang menjadi alternatif kepada umat Islam di Malaysia. Proses penganalisaan terhadap hasil kajian ini akan dijadikan kesimpulan dan panduan secara umum.

**b) Metod Deduktif**

Metod deduktif adalah satu cara penganalisaan data berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus, atau dengan kata lain, pola berfikir untuk membuat kesimpulan yang berpangkal daripada dalil yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

Metod ini digunakan oleh penulis untuk membuktikan bahawa usaha yang dilakukan oleh BMMB adalah satu usaha yang murni di dalam menjadikan institusi perbankan Islam adalah mapan dan mampu menjadi alternatif yang terbaik kepada umat Islam dalam menguruskan sumber kewangan negara di samping mengelakkan umat Islam daripada terlibat dengan amalan riba yang dilarang keras oleh Islam.



Ini bagi menghilangkan tanggapan serta ketidakayakinan umat Islam khususnya di Malaysia tentang ketidakmampuan BMMB menjadi sebuah bank yang boleh menguruskan kewangan negara dan masyarakat secara menguntungkan dan berdaya maju serta menyumbangkan kepada kesejahteraan ekonomi negara keseluruhannya. Untuk itu, penulis akan membuktikan bahawa tanggapan yang dibawa oleh masyarakat adalah salah dengan membawa kesimpulan yang bersifat khusus hasil daripada kajian terhadap prestasi BMMB.

### c) Metod Komparatif

Metod komparatif adalah satu cara untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala fakta yang diperolehi dalam masa penyelidikan itu dihasilkan melalui metod-metod yang lain<sup>3</sup>. Selepas itu, barulah dibuat rumusan mengenainya. Penulis akan menggunakan metod ini untuk membuat perbandingan di antara data-data yang diperolehi daripada metod-metod yang akan digunakan dalam masalah yang berkaitan dengan perkembangan operasi perbankan Islam BMMB

<sup>3</sup> Abd Halim Hj. Mat Diah (1987), **Satu Contoh Hurai Metodologi**, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal 17.



## PENDAHULUAN

dan seterusnya membuat rumusan mengenai sumbangannya kepada masyarakat. Hasil daripada perbandingan ini, penulis akan membuat kesimpulan terhadap persoalan kajian.